

12 OCT 1997

Ting-MCA

KUMPULAN PERTAMA PASUKAN BOMBA PENGGANTI AKAN TIBA DI SUMATRA RABU INI

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Kumpulan pertama pasukan pengganti seramai 300 anggota bomba yang akan menggantikan rakan-rakan mereka untuk memadamkan api akan berlepas ke Sumatra Rabu ini, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh hari ini.

Seramai 1,210 anggota bomba yang sedang memadam api di Indonesia akan digantikan secara berperingkat dalam masa 10 hari, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MCA Selangor di Puchong Jaya di sini.

Pasukan bomba Malaysia itu telah dihantar ke Indonesia pada 24 Sept untuk membantu pihak berkuasa di sana memadam kebakaran hutan yang menjadi punca kepada masalah jerebu di negara-negara jiran, khususnya Malaysia, Singapura dan Brunei.

Sementara itu Dr Ting yang juga pengerusi MCA Selangor berkata mesyuarat itu telah meluluskan resolusi menyokong penuh kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam usaha mengatasi krisis ekonomi yang sedang melanda negara sekarang.

Katanya MCA Selangor yakin masalah itu tidak akan berterusan kerana asas ekonomi negara cukup kukuh untuk bertahan.

Beliau juga menggesa rakyat, khususnya anggota-anggota MCA menyokong usaha kerajaan itu dengan secara berbelanja dengan jimat.

Beliau juga berkata MCA Selangor juga membuat keputusan untuk melantik lebih ramai anggota wanitanya ke majlis-majlis daerah dan perbandaran selaras dengan dasar parti untuk mempertingkatkan penyertaan wakil wanita sehingga 30 peratus dalam masa 15 tahun.

Bagi memastikan sasaran itu dicapai, katanya MCA telah membuat keputusan untuk mempunyai 15 peratus perwakilan wanita di semua negeri menjelang tahun 1999.

Buat masa sekarang, dari jumlah 71 wakil MCA dalam majlis-majlis perbandaran di Selangor, hanya empat darinya ialah wanita (di Klang, Selayang, Sepang dan Ulu Selangor), katanya.

Dr Ting juga berkata MCA Selangor akan menjalankan tiga projek utama tahun depan, termasuk program anak angkat Projek Langkawi untuk menaja pelajar miskin di luar bandar dan gerakan menghormati guru.

Program perkhidmatan masyarakat di bawah Projek Langkawi yang akan disertai oleh pelajar-pelajar dari institut pengajian tinggi khususnya Kolej Tunku Abdul Rahman juga akan dijalankan di 43 kampung baru di Selangor, katanya. -- BERNAMA

SCY WAT